

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

Akaun Semasa-i

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit

1. PRINSIP SHARIAH

CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] ("**Bank**") akan menerima sejumlah wang yang dideposit dan sebarang jumlah wang yang kemudiannya dideposit di dalam Akaun Semasa-i atas prinsip Syariah Tawarruq berhubung dengan Komoditi Murabahah ("**Komoditi Murabahah**").

2. AM

- 2.1 Permohonan untuk membuka Akaun Semasa-i mesti dilakukan menggunakan borang piawai Bank dan hanya Ringgit Malaysia (RM) boleh dideposit dalam Akaun Semasa-i.
- 2.2 Pemohon mesti mematuhi semua keperluan Bank untuk membuka Akaun Semasa-i. Tandatangan spesimen penandatangan yang diberi kuasa juga mesti diberikan kepada Bank.
- 2.3 Bank boleh menolak permohonan bagi pembukaan Akaun Semasa-i.
- 2.4 Bank boleh membuat keputusan tentang jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka Akaun Semasa-i. Kini, jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka Akaun Semasa Asas-i dan/atau Akaun Semasa Asas Senior-i adalah RM500. Bank boleh bagaimanapun mengubahnya pada bila-bila masa.
- 2.5 Bank akan mengenakan caj perkhidmatan pada Akaun Semasa-i pada bulan Jun dan Disember setiap tahun jika baki purata dalam akaun tersebut kurang daripada RM1,000 dalam tempoh setengah tahun.
- 2.6 Bank diberikan kuasa oleh pemegang akaun untuk melunaskan dan mematuhi semua cek, transaksi kad debit, draf, perintah dan arahan pembayaran lain yang dikeluarkan oleh pemegang akaun sama ada Akaun Semasa-i dalam kedudukan kredit atau debit atau yang mungkin menyebabkan akaun terlebih keluar. Walau bagaimanapun, Bank boleh enggan membenarkan akaun terlebih keluar dan/atau enggan meningkatkan sebarang had overdraf.
- 2.7 Semua borang, dokumen atau resit yang ditandatangani oleh pemegang akaun dan sebarang data atau imej elektronik bagi sebarang borang, dokumen, arahan atau dokumen elektronik lain yang disahkan, diperakui dan/atau dilaksanakan oleh pemegang akaun berhubung dengan sebarang transaksi atau perkara di bawah Akaun Semasa-i ("**transaksi di atas**") dan buku dan/atau rekod Bank yang membuktikan transaksi di atas adalah dianggap sebagai muktamad, tepat, konklusif dan mengikat pemegang akaun melainkan terdapat kesilapan jelas di bahagian Bank.
- 2.8 PERUNTUKAN KHUSUS YANG TERPAKAI KEPADA AKAUN SEMASA ASAS-i SAHAJA

2.8.1 AKAUN SEMASA ASAS-i

2.8.1.1 Pemegang akaun Akaun Semasa Asas-i boleh menjalankan transaksi berikut tanpa caj:

- (a) kunjungan ke kaunter tanpa had; dan
- (b) pengeluaran melalui Mesin Juruwang Automatik ("**ATM**") tanpa had.

Transaksi Interbank GIRO adalah tertakluk kepada fi terpakai semasa bergantung pada saluran yang digunakan untuk melaksanakan transaksi dan bilangan transaksi interbank GIRO yang dilaksanakan dalam bulan tersebut.

3. DEPOSIT

- 3.1 Deposit mestilah dilakukan dengan menggunakan borang piawai Bank atau saluran dibenarkan lain.

- 3.2 Penerimaan cek dan/atau instrumen kewangan dan/atau pemindahan dana lain yang dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i hanya akan diterima oleh Bank jika ia tidak melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan Bank Negara.
- 3.3 Semua cek dan instrumen kewangan yang didepositkan tidak boleh dikeluarkan sehingga Bank telah menerima hasil.
- 3.4 Bank boleh memulangkan salinan cek dan instrumen kewangan lain yang didepositkan yang tidak dilayan ke alamat terakhir yang diketahui pemegang akaun. Cek tidak dilayan dan instrumen kewangan lain yang tidak dilayan boleh dihantar melalui kurier atau melalui pos pada risiko pemegang akaun sendiri. Bank tidak akan bertanggungjawab jika cek dan instrumen kewangan lain yang tidak dilayan hilang dalam transit.
- 3.5 Deposit antara cawangan adalah dibenarkan.
- 3.6 Cek dan instrumen yang dihantar melalui pos bagi pengkreditan akaun hendaklah dipalang.
- 3.7 Bagi akaun bersama, cek yang perlu dibayar kepada mana-mana satu pemegang akaun bersama boleh didepositkan ke dalam akaun bersama. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang timbul daripada pembayaran hasil cek sedemikian dan pembayaran sedemikian hendaklah dianggap diberi kuasa oleh semua pemegang akaun bersama.
- 3.8 Pemegang akaun menanggung kerugian Bank, sebagai bank pemungut, terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank atas sebab ia menjamin sebarang pengindorsan atau pelepasan atau pelepasan terhadap sebarang cek, bil, nota, draf, dividen, waran atau instrumen lain yang dikemukakan oleh pemegang akaun untuk pungutan.

4. CEK

- 4.1 Cek untuk mengendalikan Akaun Semasa-i mesti dalam borang yang ditetapkan oleh Bank dan akan dibekalkan oleh Bank. Duti setem pada cek akan ditanggung oleh pemegang akaun.
 - 4.1A Bank boleh dengan segera mendebitkan Akaun Semasa-i pemegang akaun bagi bayaran mana-mana cek yang dikeluarkan oleh pemegang akaun dan didepositkan untuk pungutan di kaunter di mana-mana cawangan. Cek dengan palang "Penerima A/K Sahaja" atau "Penerima Akaun Sahaja" bermaksud ianya hanya boleh dibayar ke dalam akaun bank orang/organisasi yang dinamakan dalam cek. Oleh itu, pengeluaran tunai di kaunter di Bank menggunakan buku cek yang dikeluarkan kepada pemegang akaun hanya dibenarkan jika "palang", "Penerima A/K Sahaja" atau "Penerima Akaun Sahaja" telah dibatalkan dengan sewajarnya dan ditandatangani balas oleh pemegang akaun mengikut tandatangan spesimen dan/atau mandat yang diberikan kepada Bank. Fi perkhidmatan semasa Bank akan dikenakan bagi penunaian cek.
- 4.3 Permohonan bagi buku cek hendaklah dilakukan melalui slip rekuisisi buku cek atau melalui permintaan bertulis, yang ditandatangani oleh pemegang akaun atau penandatanganan diberi kuasa atau melalui ATM Bank (jika terpakai) dan saluran lain yang dibenarkan oleh Bank.
- 4.4 Sebarang arahan dan/atau terma-terma dan/atau syarat-syarat yang dicetak di atas buku cek hendaklah dipatuhi dengan ketat. Buku cek hendaklah disimpan dengan selamat dan terjamin pada setiap masa dan pemegang akaun hendaklah dengan segera memakumkan kepada Bank, secara bertulis, jika sebarang cek telah hilang.
- 4.5 Semua cek kekal sebagai harta Bank dan apabila Akaun Semasa-i ditutup, sama ada oleh pemegang akaun atau oleh Bank, semua cek yang tidak digunakan mesti dengan segera dikembalikan kepada Bank (pada kos pemegang akaun sendiri) atau dihapuskan.

4A. KAD DEBIT

- 4A.1 Tertakluk kepada Klausula 2.8.2.2 dan keperluan semasa Bank yang dipaparkan di laman web Bank, kad debit untuk mengendalikan Akaun Semasa-i akan dikeluarkan oleh Bank. Fi dan caj untuk kad debit akan ditanggung oleh pemegang akaun.

- 4A.2 Bank boleh dengan segera mendebitkan Akaun Semasa-i pemegang akaun untuk sebarang transaksi kad debit oleh pemegang akaun.
- 4A.3 Semua aktiviti kad debit hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat CIMB Debit Mastercard yang boleh didapati bagi bacaan di www.cimb.com.my.

5. PENGELUARAN

- 5.1 Sebarang pengeluaran dari Akaun Semasa-i adalah tertakluk kepada keperluan dan amalan semasa Bank dan tertakluk kepada bukti identiti yang dikehendaki oleh Bank. Bank boleh tidak melayan cek jika tandatangan di atas cek berbeza daripada tandatangan spesimen dan/atau mandat yang diberikan kepada Bank atau jika Bank berpendapat bahawa ia kelihatan telah diubah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kegagalan untuk mengesan perubahan material pada cek melainkan perubahan adalah jelas dan Bank telah melakukan kecuaiian melampau.
- 5.2 Pemegang akaun mengakui bahawa pengeluaran sebarang wang tersebut tidak akan dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") jika ia adalah pengeluaran tunai atau jika digunakan untuk membeli atau memindahkan ke:
- akaun deposit yang perlu dibayar atau dibuka di luar Malaysia;
 - akaun deposit yang dipegang oleh institusi kewangan yang menjalankan perniagaan perbankan Labuan atau perniagaan perbankan Islam Labuan;
 - akaun deposit yang dipegang oleh ahli bukan penerima deposit PIDM;
 - akaun bukan deposit atau pelaburan.
- 5.3 Bank boleh tidak melayan cek jika tandatangan di atas cek berbeza daripada tandatangan spesimen dan/atau mandat yang diberikan kepada Bank atau jika Bank berpendapat bahawa ia kelihatan telah diubah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kegagalan untuk mengesan perubahan material pada cek melainkan perubahan adalah jelas dan Bank telah melakukan kecuaiian melampau.
- 5.4 Pengeluaran dari Akaun Semasa-i hanya boleh dilakukan jika terdapat dana yang mencukupi dalam akaun. Bank boleh menutup Akaun Semasa-i dan/atau tidak melayan cek jika akaun telah mengembalikan cek sebanyak tiga (3) kali atau lebih dalam tempoh dua belas (12) bulan disebabkan kekurangan dana dalam Akaun Semasa-i.
- 5.5 Bank boleh menurut budi bicaranya bersetuju untuk memberikan pemegang akaun overdraf atau peningkatan overdraf melebihi sebarang had overdraf dipersetujui sedia ada. Jika Akaun Semasa-i terlebih keluar walaupun tidak ada overdraf yang dipersetujui atau ia melebihi sebarang had overdraf yang pra-dipersetujui, Bank boleh mengenakan caj perkhidmatan semasa untuk setiap cek yang diproses dan dibayar oleh Bank. Pemegang akaun hendaklah membayar atas tuntutan sebarang overdraf bersama-sama dengan Ta'widh (pampasan) dan fi yang dikenakan. Jika jumlah yang terlebih keluar tidak dibayar sepenuhnya menjelang hujung Hari Perniagaan (selepas ini ditakrifkan di Klausa 6.2) di mana akaun menjadi terlebih keluar, Bank akan mempunyai hak untuk mengenakan Ta'widh (pampasan) pada Kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) semalaman harian semasa Bank Negara Malaysia atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atas jumlah yang terlebih keluar dari tarikh pembayaran jumlah yang terlebih keluar menjadi tertunggak sehingga tarikh jumlah yang terlebih keluar dibayar dan diselesaikan sepenuhnya.

6. TAWARRUQ BERHUBUNG DENGAN KOMODITI MURABAHAH

- 6.1 Di bawah Tawarruq berhubung dengan Komoditi Murabahah, Bank dan pemegang akaun akan melakukan siri transaksi perdagangan komoditi mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini. Komoditi yang digunakan untuk transaksi perdagangan komoditi hendaklah merupakan komoditi patuh Syariah ("**Komoditi**") yang ditentukan oleh Bank.
- 6.2 Semasa penerusan Akaun Semasa-i, Bank akan membeli Komoditi ("**Transaksi Belian**") untuk pemegang akaun dengan menggunakan wang dalam kedudukan kredit di dalam Akaun Semasa-i ("**Jumlah Prinsipal**") sebagai ejen pemegang akaun. Transaksi Belian akan dilakukan oleh Bank pada hari perniagaan ("**Hari Perniagaan**"). Setelah selesai Transaksi Belian, pemegang akaun akan menjual kepada Bank dan Bank akan membeli Komoditi ("**Transaksi Jualan**") secara pembayaran tertunda, yang

bersamaan dengan agregat Jumlah Prinsipal dan keuntungan ("**Harga Murabahah**"). Bank juga akan bertindak sebagai ejen pemegang akaun untuk tujuan menyimpulkan Transaksi Jualan. Transaksi Belian dan Transaksi Jualan hendaklah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Transaksi Perdagangan Komoditi**". "**Hari Perniagaan**" hendaklah bermaksud hari di mana institusi kewangan dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.

6.3 Transaksi Perdagangan Komoditi hendaklah, semasa penerusan Akaun Semasa-i, dilaksanakan seperti yang berikut:-

- (a) Apabila terdapat Peningkatan Bersih dalam kedudukan kredit di dalam Akaun Semasa-i sepanjang mana-mana bulan tertentu; dan
- (b) Pada Hari Perniagaan pertama setiap dan tiap-tiap bulan atau mana-mana tempoh lain yang ditentukan oleh Bank.

"**Peningkatan Bersih**" hendaklah bermaksud baki akhir hari dalam Akaun Semasa-i kurang baki akhir hari sebelumnya yang tertinggi dalam bulan yang sama atau sebarang tempoh lain seperti yang ditentukan oleh Bank.

6.4 Bahagian keuntungan Harga Murabahah hendaklah dikira dengan cara berikut:-

Jumlah Prinsipal x Kadar dalaman Bank atau Kadar Semasa, yang mana lebih tinggi x n/365 hari (atau 366 hari mengikut keadaan) di mana 'n' hendaklah bermaksud bilangan hari yang berlalu antara Transaksi Jualan dan akhir bulan atau sebarang tempoh lain seperti yang ditentukan oleh Bank

"**Kadar Semasa**" hendaklah bermaksud kadar seperti yang dipaparkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

"**Jumlah Prinsipal**" hendaklah bermaksud Peningkatan Bersih bagi tujuan Klausula 6.3(a) dan baki kredit pada hari pertama setiap dan tiap-tiap bulan atau mana-mana tempoh lain seperti yang ditentukan oleh Bank bagi tujuan Klausula 6.3(b).

6.5 Pemegang akaun dengan ini melantik Bank untuk bertindak sebagai ejen bagi pihak pemegang akaun untuk berunding, melaksanakan dan melakukan semua tindakan untuk jualan dan belian Komoditi selaras dengan Klausula 6.6. Pelantikan Bank sebagai ejen pemegang akaun hanya semata-mata untuk tujuan Transaksi Perdagangan Komoditi bermula dari tarikh Akaun Semasa-i dibuka sehingga penutupan Akaun Semasa-i sama ada oleh pemegang akaun atau oleh Bank. Bank tidak akan mengambil alih, atau dianggap telah mengambil alih, sebarang kewajipan tambahan untuk, atau mempunyai sebarang hubungan istimewa dengan pemegang akaun selain daripada yang dinyatakan secara nyata dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

6.6 Sebagai ejen pemegang akaun, Bank akan, semasa penerusan deposit tersebut, mempunyai kuasa dan kebenaran yang berikut:

- (a) untuk melakukan Transaksi Belian atas dasar semerta ("*spot basis*") melalui perjanjian pembelian, sijil dan instrumen lain dengan sepenuhnya sebagaimana yang boleh dilakukan oleh pemegang akaun sendiri dan untuk berunding dengan pedagang atau pembekal komoditi ("**Pembekal**") bagi pihak pemegang akaun berkaitan dengannya; dan
- (b) untuk melakukan Transaksi Jualan atas dasar pembayaran tertangguh pada Harga Murabahah bagi pihak pemegang akaun dan untuk melakukan dan melaksanakan semua tindakan berkaitan dengannya,

dengan syarat bahawa mandat Bank untuk bertindak sebagai ejen pemegang akaun di bawah sebarang Transaksi Jualan hendaklah pada Harga Murabahah yang dikira mengikuti cara seperti yang dinyatakan dalam Klausula 6.2.

6.7 Bank akan, dalam melaksanakan kewajipan dan aktivitinya dalam Transaksi Perdagangan Komoditi melindungi kepentingan terbaik pemegang akaun dan bertindak dengan niat baik.

6.8 Pemegang akaun akan menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, ganti rugi, kos dan perbelanjaan apa jua yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh Bank akibat Bank bertindak sebagai ejen pemegang akaun di bawah Transaksi Perdagangan Komoditi atau kemungkiran oleh pemegang akaun terhadap kewajibannya di sini

melainkan disebabkan oleh kecuaiian atau keingkaran Bank. Tanggung rugi yang diberikan akan terus berkuat kuasa selepas penamatan hubungan agensi dan sebarang jumlah yang perlu dibayar berkaitan dengannya tidak akan tertakluk kepada sebarang potongan sama ada melalui tolakan tuntutan balas atau sebaliknya.

- 6.9 Setelah penamatan sebarang Transaksi Perdagangan Komoditi, Harga Murabahah akan perlu dibayar oleh Bank pada setiap akhir bulan. Jika berlakunya Peningkatan Bersih pada hari terakhir bulan, Bank sebagai ejen kepada pemegang akaun boleh atas budi bicara mutlak, mendahulukan keuntungan untuk hari terakhir bulan ke dalam Akaun Semasa-i pada akhir bulan walaupun Transaksi Perdagangan Komoditi belum dilaksanakan. Jika Bank melaksanakan budi bicara sedemikian sebagai ejen kepada pemegang akaun, pendahuluan tersebut hendaklah dianggap sebagai pinjaman (Qard) oleh Bank (sebagai ejen) kepada pemegang akaun dan pemegang akaun bersetuju bahawa pendahuluan tersebut akan ditolak dari bahagian keuntungan Harga Murabahah dengan segera selepas Transaksi Perdagangan Komoditi dilaksanakan.
- 6.10 Kadar Semasa yang digunakan untuk pengiraan keuntungan Harga Murabahah ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya dari semasa ke semasa. Jika terdapat perubahan dalam Kadar Semasa oleh Bank, pemberitahuan mengenai perubahan tersebut akan dipaparkan dengan jelas di ruang perbankan dan laman web Bank. Keuntungan Harga Murabahah akan dikira mengikut cara yang dinyatakan dalam Klausula 6.4.
- 6.11 Jika pemegang akaun ingin menerima penghantaran Komoditi, pemegang akaun boleh berbuat demikian tertakluk kepada yang berikut:-
- (a) Bank hendaklah menerima notis bertulis daripada pemegang akaun yang menyatakan (i) penarikan balik pelantikan Bank sebagai ejen pemegang akaun bagi tujuan Transaksi Jualan seperti yang dijelaskan dalam Klausula 6.5 di atas; (ii) permintaan rasmi untuk penghantaran fizikal Komoditi; dan (iii) alamat di mana Komoditi hendak dihantar. Notis bertulis tersebut hendaklah diterima oleh Bank sekurang-kurangnya lima (5) Hari Perniagaan sebelum Bank menyempurnakan Transaksi Jualan pada tarikh yang ditetapkan; dan
 - (b) pemegang akaun hendaklah menanggung kos penuh bagi penghantaran fizikal tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada brokeraj, penyimpanan, pengangkutan dan kos berkaitan lain ("**Kos**"). Bagi tujuan ini, pemegang akaun hendaklah mendeposit dengan Bank jumlah tersebut ("**Deposit**") seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dan Deposit hendaklah digunakan oleh Bank untuk membayar Kos. Jika terdapat sebarang kekurangan antara Kos dan Deposit, pemegang akaun hendaklah membayar kepada Bank kekurangan tersebut apabila dituntut. Jika terdapat sebarang lebihan antara Kos dan Deposit, lebihan tersebut akan dikembalikan kepada pemegang akaun; dan
 - (c) penghantaran fizikal Komoditi akan dilakukan oleh Bank menurut cara dan pada masa seperti yang boleh ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya.
- 6.12. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa pelantikan Bank sebagai ejen pemegang akaun untuk melaksanakan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 6.6 (a) dan (b) akan dibatalkan:
- (a) jika Akaun Semasa-i ditutup oleh Bank menurut Klausula 10; dan/atau
 - (b) jika pemegang akaun melaksanakan pilihan pemegang akaun untuk menamatkan agensi disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau kemungkiran terma-terma agensi tertentu oleh Bank. Jika ia berlaku, liabiliti Bank bagi apa-apa pampasan menurut kerugian yang dialami oleh pemegang akaun hendaklah terhad kepada keuntungan yang boleh diperolehi oleh pemegang akaun jika Bank telah melaksanakan agensi tersebut menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

7. PEMBAYARAN KEUNTUNGAN/HIBAH DAN REBAT (IBRA')

- 7.1 Keuntungan Harga Murabahah akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang akaun pada hari terakhir bulan tersebut.
- 7.2 Pemegang akaun bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') kepada Bank atas keuntungan Harga Murabahah:

- (a) jika terdapat sebarang perubahan ke bawah dalam Kadar Semasa pada bila-bila masa dan di mana pembayaran Harga Murabahah belum matang. Jika ia berlaku, rebat (ibra') yang akan diberikan hendaklah merupakan perbezaan antara keuntungan Harga Murabahah yang dikontrakkan dan keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Semasa yang telah disemak semula dari masa Kadar Semasa baharu berkuat kuasa;
- (b) jika pemegang akaun membuat pengeluaran dari Akaun Semasa-i di mana pembayaran Harga Murabahah belum matang. Jika ia berlaku rebat (ibra') yang akan diberikan hendaklah merupakan keuntungan yang dikira seperti yang berikut:-

Jumlah yang dikeluarkan x kadar dalaman Bank atau Kadar Semasa, mengikut mana-mana yang berkenaan x m/365 hari (atau 366 hari, mengikut keadaan) di mana 'm' hendaklah bermaksud bilangan hari yang tinggal antara tarikh pengeluaran dan akhir bulan

; dan

- (c) jika keuntungan yang dikira pada kadar dalaman Bank adalah lebih tinggi daripada keuntungan yang dikira pada Kadar Semasa dan rebat (ibra') yang diberikan adalah perbezaannya.

7.3 Jika terdapat sebarang perubahan ke atas dalam Kadar Semasa pada bila-bila masa sebelum pembayaran Harga Murabahah matang, sebarang jumlah berlebihan yang melebihi Harga Murabahah yang perlu dibayar oleh Bank akan dianggap sebagai hadiah (hibah).

8 PENGHENTIAN BAYARAN ATAS CEK

- 8.1 Sebarang arahan untuk menghentikan bayaran cek hendaklah dibuat secara bertulis oleh pemegang akaun atau penandatangan diberi kuasa, dan hanya akan berkuat kuasa setelah diterima oleh Bank sebelum masa penggalan berkenaan Bank pada hari cek dikemukakan untuk bayaran.
- 8.2 Bank akan mengenakan caj perkhidmatan untuk setiap arahan penghentian bayaran yang ia laksanakan.
- 8.3 Pemegang akaun bersetuju untuk menanggung rugi Bank daripada dan terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, permintaan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang mungkin pada bila-bila masa ditanggung atau dialami oleh Bank berbangkit daripada atau berhubung dengan pengeluaran dan/atau kepatuhan terhadap atau pelaksanaan hak oleh Bank berhubung dengan sebarang arahan penghentian bayaran.

9 CAJ PERBANKAN

- 9.1 Fi dan caj semasa yang dikenakan adalah disediakan di cawangan Bank dan di laman webnya. Jika fi dan caj telah berubah, pemegang akaun akan diberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh berkuat kuasa perubahan. Pemberitahuan akan diberi secara bertulis atau elektronik atau melalui iklan yang dipaparkan dengan jelas di laman web dan disediakan di ruang perbankan Bank. Semua fi dan caj yang dikenakan boleh didebit dari mana-mana akaun pemegang akaun yang dipegang dengan Bank.

10 PEMBEKUAN AKAUN

- 10.1 Bank dibenarkan, tanpa keperluan memberi kepada pemegang akaun sebarang notis terdahulu, untuk menahan daripada menguatkuasakan atau melaksanakan sebarang arahan atau transaksi di bawah Akaun Semasa-i termasuk mana-mana jenis transaksi ini:- (a) penunaian cek di kaunter atau bayaran sebarang cek atau sebarang instrumen lain atau bayaran sebarang wang di bawah atau dari Akaun Semasa-i; (b) penerimaan sebarang wang atau deposit atau cek atau sebarang instrumen lain untuk pungutan dan/atau pengkreditan ke Akaun Semasa-i ("**Pembekuan Akaun Semasa-i**") jika mana-mana peristiwa ini berikut:-
 - i. Bank dimaklumkan bahawa pemegang akaun telah melakukan suatu tindakan kebangkrapan dan/atau notis kebangkrapan dan/atau petisyen penggulangan dan/atau petisyen pemiutang untuk kebangkrapan mengikut mana-mana yang berkenaan telah difailkan atau dikemukakan terhadap pemegang akaun ("**hal-hal insolvensi pemegang akaun**");

- ii. berhubung dengan Akaun Semasa-i yang dikekalkan oleh perkongsian atau syarikat atau persatuan atau badan berkanun atau sebagai akaun bersama, jika Bank menerima sebarang tuntutan atau arahan bertentangan berkaitan dengan mandat operasi Akaun Semasa-i dan/atau bayaran sebarang cek atau sebarang instrumen atau bayaran lain bagi sebarang wang dari Akaun Semasa-i daripada mana-mana rakan kongsi atau pengarah atau pemegang jawatan atau ahli jawatankuasa eksekutif atau pemegang akaun bersama atau daripada mana-mana orang yang mendakwa adalah rakan kongsi atau pengarah atau pemegang jawatan atau ahli jawatankuasa eksekutif perkongsian atau syarikat atau persatuan atau badan berkanun mengikut mana-mana yang berkenaan yang mengekalkan Akaun Semasa-i ("**pertikaian dalaman pemegang akaun**");
- iii. Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kerajaan lain ("**pihak berkuasa berkaitan**") agar menahan daripada melaksanakan sebarang transaksi di bawah Akaun Semasa-i seperti yang dinyatakan di atas tanpa mengira sama ada pihak berkuasa berkaitan mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau sah untuk meminta Bank sedemikian ("**arahan pihak berkuasa berkaitan**");
- iv. Bank merasa curiga terhadap sebarang aktiviti atau transaksi penipuan mengenai Akaun Semasa-i, atau penyalahgunaan atau merasa curiga terhadap sebarang penyalahgunaan Akaun Semasa-i, atau jika sebarang laporan polis dibuat terhadap Akaun Semasa-i oleh mana-mana orang atau Bank, atau jika Bank dan/atau pihak berkuasa berkaitan menjalankan sebarang penyiasatan atas sebarang transaksi haram atau transaksi yang dicurigai haram yang dilakukan melalui Akaun Semasa-i;
- v. Bank menyedari akan aduan yang telah dibuat oleh pihak ketiga kepada pihak berkuasa berkaitan bahawa Akaun Semasa-i telah digunakan untuk melakukan sebarang transaksi dan/atau deposit dan/atau komplot penipuan dan/atau memancing deposit haram berdasarkan berdasarkan siasatan dalamannya atau maklumat yang disediakan untuknya oleh pihak berkuasa berkaitan;
- vi. sebarang maklumat/ dokumen yang diberikan kepada Bank untuk pembukaan akaun adalah palsu dan/atau tidak betul dan/atau diubah dan/atau terdapat salah nyata identiti;
- vii. akaun telah dikendalikan dengan tidak memuaskan pada pendapat Bank atau jika nama pemegang akaun muncul dalam sebarang peringatan atau amaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan, atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau antarabangsa lain;
- viii. Bank sedang menjalankan penyiasatan ke atas akaun atau perlu menjalankan usaha wajar (*'due diligence'*) untuk mengenal pasti dan untuk mengetahui latar belakang pemegang akaunnya atau di mana pemegang akaun gagal menandatangani pengisytiharan sedemikian, melakukan tindakan dan/atau memberikan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Bank dalam tempoh masa yang diperlukan;
- ix. Bank menyedari akan kematian atau ketidakupayaan mental seseorang pemegang akaun yang merupakan individu; dan
- x. untuk mematuhi mana-mana undang-undang, perintah mahkamah, permohonan mahkamah yang belum selesai untuk pemeliharaan wang, peraturan, sekatan dan/atau enakmen atau arahan pihak berkuasa kawal selia atau penguatkuasaan.

10.2 Pembekuan Akaun Semasa-i akan ditamatkan dalam mana-mana peristiwa berikut:-

- i. Berhubung dengan hal-hal insolvensi pemegang akaun, Bank diberikan bukti yang memuaskan bahawa notis kebangkrutan atau petisyen penggulangan atau petisyen pemiutang untuk kebangkrutan telah ditarik balik atau ditolak atau dibatalkan secara sah oleh mahkamah atau jika Bank diperintahkan oleh mahkamah supaya menamatkan Pembekuan Akaun Semasa-i;
- ii. Berhubung dengan pertikaian dalaman pemegang akaun, perkara yang sama telah diselesaikan di antara pemegang akaun bersama yang berkenaan dan kenyataan bertulis yang membawa maksud sedemikian yang ditandatangani oleh semua pemegang akaun bersama telah disampaikan kepada Bank meminta agar Pembekuan Akaun Semasa-i ditamatkan tanpa syarat atau jika Bank diperintahkan oleh mahkamah untuk menamatkan Pembekuan Akaun Semasa-i;

- iii. Berhubung dengan arahan pihak berkuasa berkaitan, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa berkaitan untuk menamatkan Pembekuan Akaun Semasa-i atau jika Bank diperintahkan oleh mahkamah untuk menamatkan Pembekuan Akaun Semasa-i;
 - iv. Berhubung dengan penyiasatan Bank atau pihak berkuasa berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 10.1(iv), 10.1(v), 10.1(vii) dan 10.1(viii), Bank berpuas hati bahawa tiada siasatan lanjutan diperlukan atau Bank telah disampaikan pemberitahuan daripada pihak berkuasa berkaitan bahawa Akaun Semasa-i sudah tidak lagi mempunyai kesan terhadap sebarang siasatan berterusan atau siasatan telah diberhentikan;
 - v. Berhubung dengan kematian atau ketidakupayaan mental seseorang pemegang akaun, Bank telah diserahkan dengan bukti yang memuaskan tentang pemberikuasaan untuk bertindak atau surat perwakilan undang-undang yang sesuai atau Perintah Mahkamah.
- 10.3 Dalam mengambil sebarang tindakan untuk membekukan Akaun Semasa-i di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, termasuk memulangkan sebarang cek atau instrumen lain yang didepositkan untuk pungutan atau bayaran, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas fitnah dan/atau sebarang kerugian ganti rugi perbelanjaan kos atau caj apa jua, tanpa mengira sebarang kenyataan yang boleh dibuat oleh Bank untuk pemulangan. Pemegang akaun selanjutnya bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan untuk ganti rugi kerugian perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin dilakukan terhadap Bank oleh mana-mana orang lain bagi tindakan Bank dalam pembekuan Akaun Semasa-i.
- 10.4 Jika Bank didakwa atau dijadikan pihak kepada sebarang tindakan guaman berbangkit daripada tindakan Bank dalam pembekuan Akaun Semasa-i atau jika Bank sebelum atau selepas pembekuan Akaun Semasa-i memulakan sebarang tindakan guaman (termasuk sebarang prosiding interplider) terhadap mana-mana pihak termasuk pemegang akaun, pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank bagi semua penalti kerugian ganti rugi tuntutan perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin diberikan oleh mahkamah terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank.
- 10.5 Dalam melaksanakan mana-mana hak Bank, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas sebarang kerugian, ganti rugi, perbelanjaan atau kos apa jua semata-matanya atas alasan bahawa Bank tidak mempunyai notis yang sewajarnya tentang berlakunya peristiwa yang ditetapkan dalam Klausula 9.1 sama ada atas sebab-sebab bahawa pemberitahuan adalah tidak teratur, tidak sah, salah, tersilap, batal atau sebaliknya tidak berkesan atas apa-apa sebab lain.

11 PENUTUPAN AKAUN

- 11.1 Akaun Semasa-i boleh ditutup oleh pemegang akaun secara peribadi atau dengan menghantar pemberitahuan bertulis pada bila-bila masa. Bagi akaun bersama, penutupan akaun hendaklah dilakukan selaras dengan terma-terma dan/atau syarat-syarat mandat yang diberikan kepada Bank oleh pemegang akaun.
- 11.2 Bank boleh, dengan atau tanpa notis terdahulu, segera menggantung atau menutup Akaun Semasa-i jika ia jatuh di bawah mana-mana kategori berikut:-
- i. Sebarang akaun yang telah mengembalikan cek sebanyak tiga (3) kali atau lebih dalam tempoh dua belas (12) bulan disebabkan kekurangan dana di dalam Akaun Semasa-i.
 - ii. Sebarang akaun dengan baki sifar atau baki sebanyak RM10 dan ke bawah bagi tempoh satu (1) tahun.
 - iii. Sebarang akaun yang kekal terlebih keluar secara berterusan disebabkan cek tidak dibayar, cek dikembalikan, fi, faedah dan caj perkhidmatan.
 - iv. Sebarang akaun yang dibuka untuk kegunaan peribadi tetapi dikendalikan dan/atau digunakan untuk tujuan perniagaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun bagi persatuan, pertubuhan atau untuk tujuan perdagangan tanpa deklarasi terlebih dahulu kepada Bank.

- v. Sebarang akaun yang dicurigai Bank sebagai digunakan untuk sebarang aktiviti penipuan atau pada pendapat munasabah Bank sebarang maklumat/ dokumen yang diberikan kepada Bank bagi pembukaan akaun adalah palsu dan/atau tidak tepat dan/atau diubah dan/atau terdapat salah nyata identiti;
- vi. Sebarang akaun yang, pada pendapat Bank, tidak dikendalikan dengan memuaskan atau sekiranya nama pemegang akaun tertera di sebarang peringatan atau amaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan, atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau antarabangsa lain.
- vii. Sebarang akaun yang disiasati Bank atau di mana usaha wajar (*'due diligence'*) perlu dijalankan untuk mengenal pasti dan mengetahui latar belakang pemegang akaunnya atau di mana pemegang akaun telah gagal menandatangani pengisytiharan sedemikian, melakukan perbuatan dan/atau memberi maklumat dan dokumen yang diminta oleh Bank dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

11.3 Bank juga boleh menggantung atau menutup Akaun Semasa-i pada bila-bila masa untuk mematuhi sebarang undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, sekatan dan/atau enakmen atau arahan pihak berkuasa kawal selia atau penguatkuasaan.

11.4 Bank juga merizabkan hak untuk menutup sebarang Akaun Semasa-i menurut budi bicara Bank dengan memberikan notis yang mencukupi kepada pemegang akaun.

11.5 Sementara menunggu penutupan Akaun Semasa-i, Bank boleh enggan menerima sebarang deposit, menghadkan jumlah yang boleh dideposit dan menahan, menandai dan/atau menggantung bayaran sebarang wang dari baki kredit Akaun Semasa-i dan/atau enggan membenarkan atau menjalankan sebarang transaksi termasuk pengeluaran wang berkenaan dengan Akaun Semasa-i (termasuk pindahan dan pindahan telegraf wang dari atau kepada Akaun Semasa-i pemegang akaun).

11.6 Dalam melaksanakan hak untuk menggantung dan/atau menutup Akaun Semasa-i, Bank mungkin tidak bebas untuk mendedahkan sebab dan tidak akan mempunyai sebarang tanggungjawab untuk berbuat demikian, melainkan jika pendedahan diperlukan oleh undang-undang.

11.7 Pemegang akaun hendaklah mematuhi semua keperluan semasa Bank bagi penutupan Akaun Semasa-i. Jika Akaun Semasa-i ditutup oleh pemegang akaun, pemegang akaun hendaklah membayar caj perkhidmatan terpakai. Caj perkhidmatan tidak akan dikenakan bagi penutupan sebarang Akaun Semasa-i yang ditutup dalam tempoh 3 bulan selepas pembukaan.

12 AKAUN TIDAK AKTIF/DORMAN/WANG TIDAK DITUNTUT

12.1 Akaun tanpa transaksi kredit dan/atau debit bagi tempoh satu (1) tahun atau lebih akan diklasifikasikan sebagai akaun dormant. Transaksi yang dilakukan oleh Bank bagi tujuan pengkreditan keuntungan atau Hibah (mana yang terpakai) ke dalam akaun atau pendebitan bagi fi dan/atau caj yang perlu dibayar oleh pemegang akaun kepada Bank tidak akan diambil kira sebagai transaksi.

12.2 Bagi sebarang akaun yang telah diklasifikasikan sebagai dormant, tiada transaksi kredit dan/atau debit (selain daripada transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh Bank bagi tujuan pengkreditan keuntungan atau Hibah (mana yang terpakai) ke dalam akaun atau pendebitan bagi fi dan/atau caj yang perlu dibayar oleh pemegang akaun kepada Bank) akan dibenarkan ke atas akaun sehingga akaun telah diaktifkan semula berdasarkan Klausula 11.3 di bawah.

12.3 Untuk mengaktifkan akaun dormant, pemegang akaun atau penandatangan diberi kuasa hendaklah melakukan yang berikut di mana-mana cawangan Bank:

- (a) transaksi cek tunai debit di kaunter, tertakluk kepada pengesahan identiti pemegang akaun atau penandatangan diberi kuasa; atau
- (b) deposit tunai, tertakluk kepada pengesahan identiti pemegang akaun atau penandatangan diberi kuasa secara elektronik.

12.4 Bank akan mengenakan dan menolak dari Akaun Semasa-i fi perkhidmatan tahunan ke atas akaun dormant sehingga baki kredit yang tinggal diklasifikasikan sebagai wang tidak dituntut dan dengan itu

Klausa 11.5 akan terpakai. Jika baki kredit di dalam Akaun Semasa-i adalah kurang daripada RM10.00, baki kredit dalam Akaun Semasa-i akan ditolak dan dibayar kepada Bank sebagai fi perkhidmatan selepas itu Akaun Semasa-i akan ditutup.

- 12.5 Di bawah Akta Wang Tidak Dituntut, 1965, wang yang diklasifikasi sebagai 'wang tidak dituntut', iaitu baki dalam akaun yang tidak dikendalikan selama tujuh (7) tahun atau lebih, mesti dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut ("**RUM**"). Dalam sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pemindahan tersebut, Bank akan dengan kos sendiri memaklumkan kepada pemegang akaun akan pemindahan yang akan dilakukan disebabkan kedormanan Akaun Semasa-i. Pemegang akaun juga akan diberikan peluang untuk mengaktifkan semula Akaun Semasa-i atau menutup Akaun Semasa-i demi mengelak berlakunya pemindahan wang kepada RUM.
- 12.6 Jika ditanya oleh pemegang akaun, Bank juga hendaklah dengan kosnya sendiri, memaklumkan kepada pemegang akaun tentang prosedur untuk menuntut wang yang telah dipindahkan oleh Bank kepada RUM dari Akaun Semasa-i.

13 PENYATA AKAUN

- 13.1 Bank boleh menyediakan kepada pemegang akaun penyata akaun yang menyenaraikan transaksi bagi Akaun Semasa-i (dengan sekurang-kurangnya 1 transaksi sebulan) secara dalam talian melalui CIMB Clicks atau BizChannel@CIMB, atau dihantar melalui e-mel atau melalui pos. Permintaan untuk pencetakan semula atau salinan tambahan penyata akaun akan tertakluk kepada bayaran fi seperti yang ditentukan oleh Bank. Permintaan untuk penyata bagi tempoh lebih daripada 1 tahun akan lebih mahal.
- 13.2 Pemegang akaun mesti menyemak rekod transaksi dalam penyata akaun dengan teliti. Sebarang kesilapan atau ketidaktepatan mesti dimaklumkan kepada Bank dalam 14 hari dari tarikh penyata akaun disediakan di CIMB Clicks atau BizChannel@CIMB, atau tarikh penghantaran penyata akaun bercetak atau tarikh penghantaran penyata akaun melalui e-mel, jika tidak pemegang akaun akan dianggap telah menerima secara konklusif kandungan dalam penyata akaun sebagai benar dan tepat dan mungkin tidak akan layak mendapat sebarang kesilapan atau ketidaktepatan diperbetulkan.
- 13.3 Bank boleh memilih tidak mengeluarkan sebarang penyata jika akaun adalah dormant atau tidak aktif bagi suatu tempoh yang ditentukan oleh Bank. Bank juga boleh berhenti mengeluarkan penyata jika penyata tidak dituntut atau tidak dapat diserahkan atas apa jua sebab.

14 AKAUN BERSAMA (Terpakai terhadap akaun bersama dalam nama dua **atau** lebih orang)

- 14.1 Istilah "**pemegang akaun**" yang disebutkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah bermaksud mana-mana satu atau lebih atau semua pemegang akaun.
- 14.2 Semua persetujuan, kewajipan, kuasa, pemberikuasaan dan liabiliti yang terkandung dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah bersama dan berasingan. Sebarang notis yang dikehendaki diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun dianggap diberikan melalui pemberitahuan kepada mana-mana orang tunggal yang dinamakan dalam akaun bersama.
- 14.3 Pemegang akaun bersama hendaklah secara bersama dan berasingan menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tidak kira bagaimana dan bila berbangkit daripada sebarang pemberikuasaan yang diberikan oleh mana-mana pemegang akaun bersama.
- 14.4 Jika mana-mana pemegang akaun bersama meninggal dunia, Bank boleh membayar baki kredit dalam akaun bersama kepada pemegang akaun yang masih hidup, tertakluk kepada penerimaan semua dokumen perlu yang diperlukan oleh Bank dan pematuhan undang-undang yang terpakai. Sebarang bayaran yang dilakukan menurut Klausa 13.4 ini hendaklah melepaskan sepenuhnya kewajipan atau liabiliti Bank berkenaan dengan baki kredit dalam akaun bersama.

15 HAK TOLAKAN dan HAK MENDEBIT

- 15.1 Bank boleh menggabungkan dan menyatukan Akaun Semasa-i dan sebarang akaun lain pemegang akaun yang dikekalkan dengan Bank ("**Akaun**") dan/atau menolak dan/atau memindahkan sebarang baki

kredit dalam Akaun dalam atau terhadap penjelasan sebarang liabiliti pemegang akaun kepada Bank, sama ada liabiliti kepada Bank adalah kini, masa depan, sebenar, kontingen, utama, sampingan, berasingan, bersama, atau dalam mata wang lain ("**Keberhutangan**") dengan memberikan kepada pemegang akaun notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar. Sementara menunggu pelaksanaan hak Bank, Bank boleh mengekalkan, menahan, menandakan atau membekukan semua wang dalam Akaun dengan cara yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara yang munasabah sehingga Hutang diselesaikan. Walaupun pemegang akaun gagal menjelaskan Keberhutangan dengan Bank setelah tamat tempoh pemberitahuan tujuh (7) hari kalendar tersebut, Bank berhak untuk menetapkan keseluruhan baki kredit dari Akaun atau sehingga jumlah Keberhutangan untuk penyelesaian sebahagian atau penuh Keberhutangan (mengikut mana-mana yang berkenaan).

- 15.2 Hak Bank seperti yang dinyatakan dalam Fasal 15.1 boleh dilaksanakan berkenaan dengan (a) sebarang Akaun Semasa-i bersama dan/atau mana-mana akaun bersama lain pemegang akaun dan digunakan untuk menolak Keberhutangan yang ditanggung kepada Bank oleh mana-mana satu atau lebih pemegang akaun bersama dan/atau oleh mana-mana satu atau lebih pemegang akaun bersama dengan mana-mana orang lain; (b) mana-mana pemegang akaun dan/atau mana-mana satu atau lebih pemegang akaun bersama yang telah melakukan tindakan kebangkrutan atau mempunyai notis kebangkrutan dan/atau petisyen untuk kebangkrutan atau penggulangan difailkan terhadap pemegang akaun atau mana-mana satu atau lebih pemegang akaun bersama; (c) mana-mana pemegang akaun atau mana-mana satu atau lebih pemegang akaun bersama yang telah diisytiharkan bankrap atau digulungan; dan (d) mana-mana pemegang akaun yang telah meninggal dunia atau mana-mana satu atau lebih pemegang akaun bersama yang telah meninggal dunia.
- 15.3 Bank mempunyai hak yang tidak boleh ditarik balik untuk mendebit Akaun Semasa-i dengan (a) memberi notis terdahulu tujuh (7) hari lebih awal kepada pemegang akaun; atau (b) serta-merta tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada pemegang akaun, di mana Bank, mengikut budi bicara mutlaknya, menganggapnya perlu untuk bertindak segera, bagi tujuan membuat sebarang bayaran, bayaran balik dan/atau bayaran ganti kepada Bank dan/atau CIMB Bank Berhad dan bagi membuat bayaran dan/atau bayaran balik jumlah yang berkenaan kepada pihak ketiga di bawah situasi yang berikut:
- (i) fi, kos, perbelanjaan dan/atau caj yang perlu dibayar walau bagaimanapun jua ditanggung dan/atau dicaj bagi sebarang akaun, produk, perkhidmatan atau kemudahan perbankan lain yang disediakan oleh Bank dan/atau CIMB Bank Berhad kepada pemegang akaun;
 - (ii) cukai, duti setem dan sebarang levi atau caj lain yang dikenakan oleh kerajaan dan perlu dibayar oleh pemegang akaun terhadap Akaun Semasa-i dan/atau sebarang akaun, produk, perkhidmatan atau kemudahan perbankan lain yang disediakan oleh Bank dan/atau CIMB Bank Berhad kepada atau untuk manfaat pemegang akaun;
 - (iii) kerugian dan/atau ganti rugi yang walau bagaimanapun jua dialami atau ditanggung oleh Bank semasa melaksanakan sebarang permintaan dan arahan pemegang akaun dan/atau dalam penyediaan perkhidmatan berhubung dengan Akaun Semasa-i seperti yang diperuntukkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (iv) jumlah terhutang kepada Bank yang berbangkit daripada sebarang tanggung rugi dan/atau jaminan yang diberikan oleh pemegang akaun memihak kepada Bank bagi penyediaan sebarang perkhidmatan dan kemudahan oleh Bank kepada pemegang akaun menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (v) bayaran yang dilakukan, dipindahkan atau dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i disebabkan kesilapan Bank dan/atau disebabkan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga di mana jumlah berkenaan telah dengan silap dibayar oleh pihak ketiga ke dalam Akaun Semasa-i dan/atau disebabkan sebarang tuntutan oleh pihak ketiga di mana beliau telah ditipu, difraud atau diperdaya untuk membuat bayaran ke dalam Akaun Semasa-i dan/atau disebabkan sebarang kesilapan atau malfungsi operasi dan/atau sistem Bank dan/atau sebarang sebab lain di luar kawalan munasabah Bank;
 - (vi) hasil cek dan/atau instrumen kewangan yang telah dikreditkan oleh Bank ke dalam Akaun Semasa-i sebelum itu jika cek dan/atau instrumen kewangan ini telah selepas itu tidak dilayan;
 - (vii) jumlah yang dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i disebabkan oleh instrumen/arahan yang disyaki telah diganggu/transaksi fraud, sama ada melibatkan pemegang akaun;

- (viii) fi guaman, bayaran pengeluaran, perbelanjaan dan kos (atas dasar peguamcara dan anak guam dan tanggung rugi penuh) yang ditanggung oleh Bank disebabkan mana-mana:-
- (a) pemungutan semula keberhutangan tertunggak di bawah sebarang kemudahan atau pinjaman yang diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun;
 - (b) prosiding garnisi yang difailkan dan disampaikan ke atas Bank dan di mana Bank dinamakan sebagai garnisi terhadap Akaun Semasa-i dan/atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dikekalkan dengan Bank;
 - (c) interplider atau mana-mana prosiding mahkamah lain yang difailkan oleh Bank berkenaan dengan Akaun Semasa-i dan/atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dikekalkan dengan Bank;
 - (d) injuksi atau mana-mana prosiding mahkamah lain yang dimulakan terhadap Akaun Semasa-i dan/atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dikekalkan dengan Bank, sama ada Bank dinamakan sebagai pihak; dan
 - (e) prosiding undang-undang yang difailkan terhadap Bank oleh pemegang akaun atau mana-mana pihak lain yang melibatkan Akaun Semasa-i dan/atau sebarang akaun lain pemegang akaun yang dikekalkan dengan Bank dan jika Bank berjaya membela prosiding undang-undang tersebut; dan
- (ix) bayaran terdahulu yang dibayar kepada pemegang akaun dan/atau mana-mana pihak ketiga di bawah sebarang pengaturan yang dimasuki antara Bank dan pemegang akaun dan/atau di bawah sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun.
- (x) jika dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan, peraturan atau arahan, Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kerajaan yang lain.

15.4 Sebagai tambahan kepada hak untuk mendebit di bawah Klausu 15.3, berkenaan dengan sebarang transaksi yang dilakukan melalui saluran yang dikendalikan oleh Payments Network Malaysia Sdn Bhd ("**Paynet**") yang melibatkan sebarang dakwaan, tuntutan atau pertikaian berkaitan dengan sebarang transaksi yang salah, tidak betul, tersilap, penipuan dan/atau tidak diberi kuasa, Bank diberi kuasa untuk mendebit Akaun Semasa dan melakukan bayaran balik selaras dengan garis panduan dan terma-terma semasa Paynet ("**Peraturan Paynet**"). Bank juga akan mengekalkan, menahan atau memperuntukkan jumlah yang dipertikaikan daripada Akaun Semasa-i apabila notis mengenai tuduhan, tuntutan atau pertikaian tersebut.

15.5 Sementara menunggu pendebitan Akaun Semasa-i menurut Klausu 15.3 dan Klausu 15.4, Bank akan layak mengekalkan, menahan, menandai dan membekukan semua wang dalam Akaun Semasa-i dengan cara yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara yang munasabah.

15.6 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada pemegang akaun untuk apa-apa tuntutan, kerugian, kerosakan, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun berhubung dengan Bank yang melaksanakan hak untuk mengimbangi dan hak debit dan pengekalan, penahanan, peruntukan atau pembekuan wang dalam Akaun Semasa-i dan/atau dalam mematuhi Peraturan Paynet.

15.7 Walau terdapat Klausu 15.3, Bank mempunyai hak yang tidak boleh ditarik balik untuk mendebitkan Akaun Semasa-i dengan serta-merta tanpa notis bagi mematuhi mana-mana undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, sekatan dan/atau enakmen atau arahan, termasuk dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan atau pihak berkuasa penguatkuasaan, di mana tindakan segera oleh Bank diperlukan dan/atau pemberian notis adalah dilarang di bawah keperluan undang-undang atau pengawalseliaan tersebut.

15.8 Pemegang akaun selanjutnya bersetuju bahawa semua dana, wang, sekuriti dan apa jua barang berharga dan harta lain kepunyaan pemegang akaun dan didepositkan dengan Bank di bawah Akaun Semasa-i dan/atau mana-mana akaun lain pemegang akaun ("**harta**") akan secara automatik menjadi sekuriti kepada Bank dan Bank akan layak untuk (i) menolak dan/atau mendebit sebarang wang yang membentuk harta atau hasil yang timbul daripada penjualan harta bagi tujuan melaksanakan bayaran sebarang liabiliti yang ditanggung oleh pemegang akaun kepada Bank dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan/atau

(ii) mengekalkan atau menahan, menandai harta dan/atau (iii) tidak melayan sebarang cek yang dikemukakan untuk bayaran di bawah Akaun Semasa-i sehingga liabiliti pemegang akaun kepada Bank diselesaikan sepenuhnya.

16 PEMBATASAN LIABILITI

- 16.1 Jumlah liabiliti Bank kepada pemegang akaun hendaklah terhad kepada kerugian langsung sebenar yang dialami oleh pemegang akaun sahaja, dengan syarat bahawa tuntutan disokong oleh bukti dokumentari yang dikemukakan oleh pemegang akaun kepada Bank. Dalam apa jua keadaan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada pemegang akaun untuk sebarang tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun berhubung dengan Bank mematuhi Peraturan Paynet. Bank juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ganti rugi teladan atau punitif, kehilangan atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit dan/atau sekunder, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kehilangan keuntungan atau pendapatan atau simpanan, kerugian jangkaan, kerugian pergantungan, kerugian ekonomi tulen atau kerugian atau ganti rugi yang serupa yang mungkin ditanggung pemegang akaun oleh sebab sebarang tindakan atau peninggalan Bank, walaupun jika Bank telah dinasihatkan tentang kemungkinan kehilangan atau ganti rugi tersebut terlebih dahulu.
- 16.2 Pemegang akaun bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya Bank dan tidak mempertanggungjawabkan Bank terhadap semua penalti, ganti rugi, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar peguamcara dan anak guam), cukai atau duti yang mungkin ditanggung oleh Bank berkaitan dengan mana-mana atau semua akaun sekalipun atau pelaksanaan Bank berkenaan sebarang arahan (walaupun arahan tersebut mungkin penipuan atau tanpa kebenaran) melainkan pemegang akaun boleh membuktikan bahawa penalti, ganti rugi, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan, cukai atau duti ini adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau dan/atau keingkaran sengaja Bank.
- 16.3 Berhubung dengan Klausu 16.2, Bank akan memaklumkan kepada pemegang akaun berkenaan jumlah yang akan ditanggung rugi dan perakuan Bank yang membuktikan jumlah tersebut hendaklah dianggap sebagai muktamad, mengikat dan konklusif dan Bank juga boleh mendebitkan jumlah tersebut dari Akaun Semasa-i pemegang akaun.
- 16.4 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, ganti rugi, kecederaan, kesulitan atau rasa malu yang dialami oleh pemegang akaun disebabkan oleh kelewatan dalam menjalankan atau kegagalan menjalankan kewajipan Bank disebabkan sebarang sebab di luar kawalan munasabah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan, malfungsi, gangguan atau kerosakan komputer, elektronik, elektrik dan sistem untuk sebarang tempoh masa.
- 16.5 Tertakluk kepada Klausu 16.1, pemegang akaun mengekalkan hak untuk menuntut ganti rugi dan/atau semua remedi lain yang didapati dalam undang-undang untuk kerugian langsung yang timbul daripada sebarang tindakan atau peninggalan oleh Bank.

17 KOMUNIKASI DAN NOTIS

- 17.1 Sebarang perubahan pada alamat e-mel, alamat pos, nombor telefon, tandatangan dan/atau butir-butir lain pemegang akaun yang direkodkan dengan Bank hendaklah dimaklumkan segera kepada Bank oleh pemegang akaun atau penandatangan diberi kuasa. Pemberitahuan tersebut mesti dilakukan secara bertulis dan disokong oleh mana-mana dokumentasi yang mungkin dikehendaki oleh Bank dan hanya akan berkuat kuasa apabila diterima oleh Bank.
- 17.2 Semua komunikasi yang dihantar oleh Bank melalui komunikasi segera dan/atau pos dan/atau ditinggalkan di alamat pemegang akaun yang terakhir didaftarkan dengan Bank, dan/atau melalui penerbitan di laman web Bank atau mana-mana cawangan Bank hendaklah dianggap telah dihantar kepada dan diterima oleh pemegang akaun: (i) jika dihantar melalui pos, pada hari ketujuh (ke-7) selepas pos; (ii) jika melalui mana-mana bentuk komunikasi segera (termasuk melalui e-mel dan/atau khidmat pesanan ringkas (SMS) dan rakaman suara), dengan segera; dan/atau (iii) jika melalui penerbitan di laman web Bank atau di mana-mana cawangan Bank, pada hari penerbitan.
- 17.3 Sebarang tuntutan atau sebarang proses mahkamah (termasuk saman) yang dihantar oleh Bank melalui emel dan/atau melalui pos berdaftar ke alamat pemegang akaun yang terakhir didaftarkan dengan Bank

akan dianggap telah dihantar dan diterima oleh pemegang akaun: (i) jika dihantar melalui pos berdaftar, pada hari ketujuh (7) selepas penghantaran; (ii) jika melalui emel, dengan serta-merta.

18 UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

- 18.1 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, Paynet dan badan kawal selia berkaitan lain di mana Bank tertakluk.

19 ARAHAN

- 19.1 Arahan daripada pemegang akaun kepada Bank hendaklah dibuat secara bertulis oleh pemegang akaun atau penandatanganan diberi kuasa. Sebarang arahan sedemikian hanya akan berkuat kuasa apabila diterima oleh Bank dan disokong oleh sebarang dokumentasi yang mungkin diperlukan oleh Bank. Bank juga boleh menerima arahan lisan yang diberi kepada Bank melalui pusat panggilan Bank tertakluk kepada proses pengesahan Bank.

20 PENYERAHAN HAK TIDAK DIBENARKAN

- 20.1 Pemegang akaun tidak dibenarkan menyerahkan hak dan/atau mewujudkan sebarang kepentingan sekuriti terhadap hak, hakmilik, manfaat dan kepentingan atau wang dalam Akaun Semasa-i kepada mana-mana orang tanpa kebenaran bertulis Bank, dengan pengecualian yang sama boleh diserahkan hak dan/atau diwujudkan memihak kepada Bank.

21 PENDEDAHAN MAKLUMAT

- 21.1 Pemegang akaun bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkenaan pemegang akaun, hal ehwal pemegang akaun dan/atau mana-mana akaun yang dikekalkan oleh pemegang akaun dengan Bank kepada:

- ejennya, pembekal perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/ atau penasihat profesionalnya di dalam atau di luar Malaysia;
- entiti-entiti di dalam Kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegangan muktamad Bank ("Kumpulan Syarikat") sama ada Kumpulan Syarikat adalah bermastautin, berada, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia;

untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan Akaun Semasa-i, kemudahan dan peruntukan kontrak, perkhidmatan atau yang diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Kumpulan Syarikat kepada para pelanggannya, dan serta kepada:

- mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang mana Bank dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, permintaan, permintaan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi berpotensi yang melibatkan Bank apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
- mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pemenuhan transaksi atau arahan yang diminta dan/atau diberikan oleh pemegang akaun kepada Bank;
- sebarang penerima pindahan atau pemegang serah hak yang berpotensi dengan mana Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan pembaharuan hak atau obligasi di bawah atau dengan merujuk kepada Akaun Semasa-i ini; dan

- pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan(-tujuan) seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.

Pemegang akaun bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat pemegang akaun adalah perlu untuk penyediaan Akaun Semasa-i dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan pemegang akaun untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang.

- 21.2 Pendedahan oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) mungkin juga untuk jualan silang dan tujuan lain Bank dan/atau Kumpulan Syarikat dengan syarat bahawa **pendedahan untuk jualan silang tidak akan dilaksanakan jika pendedahan tersebut dibantah oleh pemegang akaun.**

Bank juga boleh mendedahkan maklumat pemegang akaun seperti nama dan butiran hubungan (tidak termasuk hal ehwal atau akaun pemegang akaun) kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi jika persetujuan daripada pemegang akaun telah diperolehi.

Walaupun bagaimanapun, pemegang akaun boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik persetujuan yang disebutkan di atas untuk pendedahan maklumat oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada pemegang akaun): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com

- 21.3 Pemegang akaun dengan ini bersetuju dan dengan nyata memberi kuasa dan mempelawa pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen Bank untuk menghubungi pemegang akaun dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilaksanakan melalui sebarang bentuk komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon tentang sebarang promosi.
- 21.4 Di samping hak Bank di bawah Klausula 21.2, Bank diberi kuasa untuk menghubungi dan/atau memaklumkan pemegang akaun melalui pos dan/atau mel elektronik dan/atau telefon dan/atau khidmat pesanan ringkas (SMS) dan/atau perkhidmatan kurier dan/atau sebarang cara komunikasi munasabah lain yang dipilih oleh Bank berdasarkan alamat mel, alamat e-mel, nombor telefon dan/atau sebarang butir-butir hubungan lain sedia ada pemegang akaun yang dideposit atau direkodkan dengan Bank. Maklumat atau pemberitahuan yang dihantar oleh Bank hendaklah mengandungi maklumat atau pemberitahuan sedemikian yang dianggap sesuai atau perlu oleh Bank dan mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang maklumat berhubung dengan Akaun Semasa-i dan/atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengan sebarang perkhidmatan, manfaat, promosi, program Bank dan/atau mana-mana pihak lain yang diadakan bersama atau bersempena dengan Bank.

22 PERIZABAN HAK

- 22.1 Bank boleh mengubah (sama ada menambah kepada, memadam daripada atau sebaliknya meminda) ("Pindaan") sebarang Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dengan memberi kepada pemegang akaun notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan dikuat kuasa. Notis Pindaan boleh diberi dengan: (i) notis Pindaan dipaparkan dengan jelas di laman web dan disediakan di ruang Perbankan Bank dan di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan kepada pemegang akaun atas permintaan atau notis dengan sendirinya boleh mengandungi butir-butir mengenai Pindaan; atau (ii) notis yang dihantar oleh Bank ke alamat terakhir yang diketahui pemegang akaun; atau (iii) notis yang diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau (iv) notis yang dihantar melalui e-mel atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan berkuat kuasa dan mengikat dari tarikh yang ditetapkan dalam pemberitahuan. Pemegang akaun boleh menutup akaunnya mengikut Klausula 11.1 jika beliau tidak bersetuju dengan Pindaan.

23 KLAUSA PRIVASI (UNTUK ORANG SEBENAR)

- 23.1 Pemegang akaun dengan ini mengesahkan bahawa pemegang akaun telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my) dan

klausa-klausa di sini, yang mungkin berkenaan dengan pemprosesan maklumat peribadi pemegang akaun. Bagi mengelakkan keraguan, pemegang akaun bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai terkandung di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini secara rujukan.

- 23.2 Jika pemegang akaun memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkenaan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkenaan dengan waris terdekat dan tanggungan pemegang akaun, untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan pemegang akaun dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, pemegang akaun (a) mengesahkan bahawa pemegang akaun telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya layak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk memberi kemas kini kepada Bank secara bertulis jika terdapat sebarang perubahan yang material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju akan hak Bank untuk menamatkan Akaun Semasa-i jika persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- 23.3 Jika pemegang akaun mengarahkan Bank untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi merentasi sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi merentasi sempadan (termasuk maklumat yang berkenaan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia mungkin boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkenaan dengan tanggungjawab sah mereka (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk melakukan sebarang transaksi merentasi sempadan bagi pihak pemegang akaun, pemegang akaun bersetuju akan pendedahan yang disebutkan di atas bagi pihak pemegang akaun dan orang lain yang terlibat dalam transaksi merentasi sempadan tersebut.
- 23.4 Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau pada masa depan melakukan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan pelaporan/rujukan kredit dengan agensi pelaporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan Bank untuk memastikan status pemegang akaun seperti yang mungkin diperlukan untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu (a) memeriksa butiran mengenai permohonan kemudahan kredit, berkaitan dengan kredit atau yang lain; (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit atau berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan portfolio pemegang akaun; (c) memungut semula hutang; dan/atau (d) sebarang tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan akaun/kemudahan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini. Pemegang akaun akan dikaitkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang pemegang akaun gunakan atau telah gunakan, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang pemegang akaun dan bagaimana pemegang akaun menguruskan akaun/kemudahan pemegang akaun dengan agensi pelaporan/rujukan kredit yang berkenaan, dan bagi mana-mana agensi pelaporan/rujukan kredit ini untuk mendedahkan maklumat kredit pemegang akaun kepada pelanggannya untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.
- 23.5 Walaupun selepas pemegang akaun telah memberikan apa-apa maklumat kepada Bank, pemegang akaun akan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini kecuali di mana pendedahan maklumat pemegang akaun sedemikian diperlukan untuk penyediaan Akaun Semasa-i dan/atau perkhidmatan berkaitan atau prestasi kontrak dengan pemegang akaun untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.
- 23.6 Untuk tujuan klausa ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat-syarikat yang berkenaan dengannya sebagaimana yang ditakrifkan di Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan terkawal lain, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai merujuk kepada Kumpulan CIMB.
- 23.7 Klausa ini hendaklah tanpa prejudis kepada mana-mana klausa lain di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang berkenaan dengan pendedahan maklumat.

24 PERTUKARAN AKAUN

Bank merizabkan hak untuk menukar atau memindahkan pemegang akaun daripada suatu akaun sedia ada kepada akaun jenis lain yang Bank percayai sesuai untuk pemegang akaun sekiranya jenis akaun sedia ada pemegang akaun tidak lagi disediakan oleh Bank, atau sekiranya Bank memperkenalkan kriteria kelayakan baru atau mengubah kriteria kelayakan sedia ada untuk akaun sedemikian dan pemegang akaun tidak memenuhi kriteria kelayakan bagi akaun tersebut. Bank akan memberikan pemegang akaun notis terdahulu yang munasabah sebelum pertukaran atau pemindahan. Pemegang akaun boleh menutup akaun pemegang akaun dalam masa 60 hari daripada pertukarannya tanpa caj.

25 PELBAGAI

- 25.1 Pemegang akaun boleh membuat sebarang aduan yang berkenaan dengan Akaun Semasa-i, dengan mana-mana cawangan Bank. Jika pemegang akaun tidak berpuas hati dengan penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh cawangan, pemegang akaun boleh menghubungi Jabatan Resolusi Pelanggan Bank di alamat, nombor telefon dan alamat e-mel berikut (atau alamat, nombor telefon dan alamat e-mel lain sebagaimana yang boleh dimaklumkan oleh Bank kepada pemegang akaun): Unit Resolusi Pelanggan (CRU); Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603-6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com.
- 24.2 Pemegang akaun dan Bank bersetuju bahawa hak dan obligasi mereka masing-masing di dalam ini adalah bertujuan untuk dan tertakluk kepada dan adalah patuh Syariah (Syariah adalah seperti yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia). Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, pemegang akaun bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penggunaan deposit bagi tujuan yang tidak patuh Syariah.